

Headline	Undang undang berkaitan FRIM dikaji.		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,367
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,101



# Undang-undang berkaitan FRIM dikaji

**CYBERJAYA 26 Okt.** - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengkaji untuk meminda undang-undang berkaitan dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membolehkan institut itu menubuhkan sebuah syarikat sendiri dalam usaha mempergiatkan lagi sektor industri alam sekitar di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pindaan itu lebih tertumpu dalam aspek pengkomersialan penemuan hasil kajian, selain membenarkan pelabur luar menjalankan kajian yang dijangka berpotensi memperoleh hasil pendapatan yang tinggi.

Menurutnya, pada masa ini FRIM masih mengharapkan bantuan dana daripada kerajaan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sedangkan ia berupaya menjana pendapatan sendiri terutama menerusi hasil kajian dalam bidang perlindungan alam sekitar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Saya telah mengarahkan pegawai di kementerian untuk menjalankan kajian terhadap pindaan undang-undang berkaitan. Tetapi prosesnya akan mengambil masa kerana perlu dibuat secara berperingkat.

"Jika hasrat ini dipersetujui oleh kerajaan, ini bermakna FRIM boleh mengumpul dana sendiri melalui pengkomersialan hasil R&D dan penemuan sumber asli baharu di dalam negara dan di peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi perjumpaan dengan Ahli Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan

Perhutanan Malaysia, di sini hari ini.

Terdahulu, Wan Junaidi dalam ucapannya berkata, sejak penubuhannya 30 tahun lalu, FRIM telah banyak membantu negara untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan industri perhutanan dan pemuliharaan sumber hutan negara.

Beliau berkata, kaedah inovatif yang dibangunkan FRIM berjaya menghidupkan semula kawasan seperti bekas lombong bijih timah, pesisiran pantai terhakis dan kawasan bekas ladang getah.

Menurutnya, FRIM telah muncul sebagai sebuah pusat kecemerlangan bertaraf dunia dalam bidang penyelidikan biodiversiti tropika yang membekalkan data asas saintifik bagi pengurusan dan penggunaan lestari sumber-sumber asli negara.

"Tanpa maklumat asas ini, pengurusan biodiversiti dan pemuliharaan spesies tidak dapat dijalankan selaras dengan aspirasi polisi kebangsaan berkaitan kepelbagaian biologi.

"Sejak 2008, FRIM telah menerima lebih daripada 120 anugerah kebangsaan dan lebih 70 anugerah peringkat antarabangsa seperti anugerah Nikkei Asia untuk sumbangan FRIM terhadap perlindungan alam sekitar di rantau ini," katanya.

Beliau menambah, FRIM merupakan satu-satunya institusi penyelidikan perhutanan negara yang memartabatkan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah hutan negara oleh itu isu-isu berkaitan FRIM perlu diberi penekanan oleh pihak berkaitan.